



نڬارا بروني دارالسلام
Negara Brunei Darussalam

سيجيل

قندفترن فينداعن اوندغ - اوندغ كچيل

SIJIL

PENDAFTARAN PINDAAN UNDANG – UNDANG KECIL

Pindaan Kepada Undang – Undang Kecil

**KOPERASI PERSATUAN TIBA (KOTIBA)
DENGAN TANGGUNGAN BERHAD**

yang telah disahkan dalam mesyuarat agungunya

pada **01 Ogos 2024** hingga **21 Ogos 2024**

telah didaftarkan

di bawah Bab (10) dari Akta Syarikat Kerjasama (Penggal 84)

Ditandatangani pada **21** haribulan **OKTOBER 2024 M**

bersamaan **17** haribulan **RABIULAKHIR 1446 H**

DR. HAJAH MAY FA'EZAH BINTI HAJI AHMAD ARIFFIN

قندفتنر كوفيراسي-كوفيراسي

نڬارا بروني دارالسلام

Pendaftar Koperasi-Koperasi
Negara Brunei Darussalam.



UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI PERSATUAN TIBA (KOTIBA) DENGAN TANGGUNGAN BERHAD

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

BAHAGIAN I

PENDAHULUAN

| | |
|-----------------------------------|---|
| Tajuk dan mula berkuatkuasa | 4 |
| Tafsiran | 4 |

BAHAGIAN II

NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

| | |
|-----------------------|---|
| Nama | 6 |
| Alamat | 6 |
| Kawasan Operasi | 7 |

BAHAGIAN III

MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

| | |
|----------------|---|
| Matlamat | 7 |
| Fungsi | 7 |
| Aktiviti | 7 |

BAHAGIAN IV

KEAHLIAN

| | |
|---|----|
| Kelayakan menjadi ahli | 8 |
| Permohonan dan pengakuan | 9 |
| Hak-hak kewajipan-kewajipan dan tanggungan-tanggungan | 10 |
| Pemberian Undang-Undang Kecil | 10 |
| Berhenti dari menjadi ahli | 10 |
| Ahli diberhentikan | 10 |
| Penama | 11 |
| Saham tidak dikembalikan | 11 |
| Memindah saham apabila ahli mati | 11 |

| | |
|--|----|
| Memindah saham apabila tidak di tuntutan..... | 11 |
| Tanggungjawab ahli terhadap hutang koperasi..... | 12 |

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

| | |
|---|----|
| Mesyuarat Agung..... | 12 |
| Kuasa-kuasa dan tugas-tugas mesyuarat agung..... | 13 |
| Ahli Lembaga Koperasi..... | 14 |
| Lantikan Pegawai..... | 14 |
| Lembaga Amanah (Board of Trustee)..... | 14 |
| Aturan Aktiviti dan Garis Panduan..... | 15 |
| Lantikan Jawatankuasa Kecil..... | 15 |
| Mesyuarat Lembaga..... | 15 |
| Kuorum Mesyuarat Lembaga..... | 16 |
| Buku minit mesyuarat..... | 16 |
| Undi penentuan..... | 17 |
| Tempoh memegang jawatan Lembaga..... | 17 |
| Penamatan Lantikan Lembaga..... | 17 |
| Tugas-tugas, tanggungjawab-tanggungjawab dan kuasa-kuasa Lembaga..... | 17 |
| Pengerusi..... | 19 |
| Setiausaha..... | 20 |
| Bendahari..... | 20 |
| Pengurus..... | 21 |
| Jawatankuasa Audit Dalaman..... | 22 |
| Kelayakkan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman..... | 22 |
| Tempoh Memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman..... | 23 |
| Kuasa dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman..... | 23 |

BAHAGIAN VI

ASET DAN WANG KOPERASI

| | |
|--|----|
| Modal dan saham..... | 24 |
| Zakat..... | 24 |
| Pembahagian lebih pendapatan..... | 24 |
| Wang tidak diambil..... | 25 |
| Kumpulan Wang Simpanan..... | 25 |
| Kumpulan wang dan kumpulan wang simpanan apabila dibubarkan..... | 25 |
| Wang Pertaruhan dan Pinjaman..... | 25 |
| Pelaburan wang..... | 26 |

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

| | |
|---|----|
| Tahun kewangan..... | 26 |
| Resit-resit dan baucer..... | 26 |
| Juruaudit Luar..... | 26 |
| Hutang Lapuk..... | 27 |
| Penyimpanan Buku-buku dan Daftar-daftar Koperasi..... | 27 |

BAHAGIAN VIII

PERKARA-PERKARA AM

| | |
|---|----|
| Meterai..... | 27 |
| Penyediaan buku-buku dan daftar-daftar untuk diperiksa..... | 28 |
| Pertukaran alamat ahli..... | 28 |
| Penyerahan tugas..... | 28 |
| Lantikan perwakilan..... | 28 |
| Tambahan kepada akta dan aturan-aturan..... | 28 |
| Pindaan Undang-Undang Kecil..... | 28 |
| JADUAL I..... | 30 |
| JADUAL II..... | 33 |

UNDANG-UNDANG KECIL
KOPERASI PERSATUAN TIBA (KOTIBA) DENGAN TANGGUNGAN BERHAD

BAHAGIAN I
PENDAHULUAN

Tajuk dan mula berkuatkuasa

1. (a) Undang-Undang Kecil ini boleh dinamakan Undang-Undang Kecil **KOPERASI PERSATUAN TIBA (KOTIBA) DENGAN TANGGUNGAN BERHAD**.
- (b) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ianya didaftarkan oleh Pendaftar Koperasi-Koperasi Negara Brunei Darussalam.

Tafsiran

2. Di dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**Akta**” maknanya Akta Syarikat Kerjasama (Penggali 84) dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**Ahli**” termasuklah seseorang atau Koperasi yang terdaftar yang turut sama dalam permohonan pendaftaran Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit Mesyuarat Agung Penubuhan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi ahli mengikut Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“**Lembaga**” maknanya badan pengelola Koperasi yang terdaftar yang kepadanya pengurusan hal-ehwal Koperasi ini diamanahkan, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“**Bonus**” maknanya bahagian keuntungan sesuatu Koperasi yang dibahagikan dikalangan ahli-ahlinya mengikut kadar banyaknya perniagaan yang dilakukan oleh mereka dengan Koperasi itu dan daripadanya keuntungan Koperasi itu diperolehi;

“**Bonus saham**” maknanya nilai tambahan atas saham akibat daripada penilaian semula harta Koperasi;

“**Dividen**” maknanya bahagian keuntungan Koperasi ini yang dibahagikan dikalangan ahli-ahlinya mengikut kadar modal saham yang dipegang oleh mereka, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“**Arahan**” maknanya arahan yang dikeluarkan oleh Pendaftar kepada Koperasi dari semasa ke semasa menurut Bab 52A kepada Akta;

“**Garis Panduan**” maknanya Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Pendaftar kepada Koperasi dari semasa ke semasa menurut Bab 52A kepada Akta;

“**Kawasan operasi**” maknanya kawasan dimana Koperasi ini dibolehkan untuk mendapat ahlinya;

“**Keluarga terdekat**” maknanya suami atau isteri atau anak atau adik beradik / pewaris daripada ahli asal.

“**Koperasi**” atau “**Koperasi ini**” maknanya **Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad**;

“**Koperasi Menengah**” maknanya terdiri daripada gabungan Koperasi Asas di bawah Bab 4(2) kepada Akta;

“**Dana Amanah Kemajuan Syarikat Kerjasama**” maknanya suatu kumpulan wang di bawah Bab 33(2) kepada Akta;

“**Menteri**” maknanya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab pembangunan Koperasi, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“**Pegawai**” termasuklah Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau mana-mana ahli-ahli Lembaga, atau lain-lain orang yang diberi kuasa di bawah Aturan-Aturan atau Undang-Undang Kecil untuk memberi arahan-arahan berkenaan dengan perniagaan Koperasi yang terdaftar, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“**Pendaftar**” maknanya Pendaftar Koperasi-Koperasi yang dilantik di bawah Bab 3 kepada Akta dan termasuk sebarang orang apabila menjalankan kuasa-kuasa Pendaftar seperti yang diberikan kepadanya di bawah bab ini;

“**Aturan**” maknanya Aturan-Aturan Syarikat Kerjasama yang dibuat menurut Akta dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

“**Prinsip Koperasi**” termasuklah:-

- (a) keahlian sukarela dan terbuka;
- (b) kawalan demokratik oleh ahli;
- (c) penglibatan ekonomi oleh ahli;

PENDAFTAR KOPERASI-KOPERASI

Tarikh pindaan pada 21-10-2024
Sijil Bil 65/82

- (d) autonomi dan kebebasan;
- (e) pendidikan, latihan dan maklumat;
- (f) kerjasama antara Koperasi; dan
- (g) mengambil berat atau prihatin terhadap masyarakat, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“Subsidiari” kepada Koperasi yang terdaftar maknanya sesebuah syarikat yang diperbadankan di bawah **Akta Syarikat (Penggah 39)**

“Perwakilan” bermakna:-

- (a) wakil seorang ahli individu yang dipilih di mesyuarat daerah bagi ahli sesuatu Koperasi asas dimana Mesyuarat Agung Ahli digantikan dengan Mesyuarat Agung Perwakilan; atau
- (b) wakil sesuatu Koperasi yang terdaftar yang Koperasi itu sendiri adalah ahli kepada Koperasi lain yang terdaftar, yang mana mesyuarat-mesyuaratnya wakil itu telah dilantik untuk menghadirinya;

“Undang-Undang Kecil” maknanya Undang-Undang Kecil berdaftar yang dibuat oleh Koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar Undang-Undang Kecil, sebagaimana yang ditakrifkan menurut Bab 2 kepada Akta;

“Aturan Aktiviti” maknanya aturan-aturan yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi tertakluk kepada Peruntukan Akta, Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil

BAHAGIAN II NAMA, ALAMAT BERDAFTAR DAN KAWASAN OPERASI

Nama

3. Menurut Bab 7(2) dan (3) kepada Akta, Koperasi ini hendaklah dinamakan **Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad** atau ringkasnya **KOTIBA**.

Alamat

4. (1) Alamat yang didaftarkan bagi Koperasi ini ialah Stesen Minyak KOTIBA, Lot No: 37344, Kampong Salambigar, Jalan Muara Poskod BC1515 Negara Brunei Darussalam.

- (2) Koperasi hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas (14) hari tentang tiap-tiap pertukaran alamat menurut Bab 11 kepada Akta.

Kawasan Operasi

5. Kawasan operasi Koperasi ini terbuka kepada semua penduduk-penduduk asal dari Kampong Tanah Jambu, Kampong Salambigar, dan Kampong Sungai Tilong

BAHAGIAN III MATLAMAT, FUNGSI DAN AKTIVITI

Matlamat

6. Menurut Bab 4(1) kepada Akta, matlamat Koperasi ini ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi ahlinya mengikut prinsip Koperasi.

Fungsi

7. Fungsi Koperasi ini ialah Serbaguna.

Aktiviti

8. (1) Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut Undang-Undang Kecil 6 aktiviti amnya dan 7 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung dan peruntukan Akta serta Aturan-Aturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:-
- (a) Aktiviti utama Koperasi ini ialah Perusahaan Stesen Minyak;
 - (b) Aktiviti tambahan Koperasi ini ialah :
 - i. Perniagaan Peruncitan;
 - ii. Perkhidmatan Pemeliharaan Kenderaan;
 - iii. Perkhidmatan Pengurusan Hartanah;
 - iv. Perkhidmatan Pemeliharaan Kemudahan;
 - v. Perkhidmatan Pengurusan Keacaraan;
 - vi. Perkhidmatan Butik dan Pakaian;
 - vii. Perusahaan Permakanan dan minuman;
 - viii. Perkhidmatan Pengangkutan;
 - ix. Perkhidmatan Pembekalan dan Pengedaran;
 - x. Perusahaan Pertanian;
 - xi. Perusahaan Penternakan dan
 - xii. Perkhidmatan Pakar Perunding-
 - (c) Menjalankan aktiviti ahli seperti kebajikan, pendidikan, latihan dan perniagaan.

- (d) Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki mana-mana harta kecuali tanah dan bangunan hendaklah dipohonkan kebenaran Pendaftar terlebih dahulu menurut Aturan 26 kepada Aturan-Aturan;
 - (e) Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut Bab 32 kepada Akta;
 - (f) Mengadakan subsidiari menurut Bab 10A kepada Akta dengan kelulusan Pendaftar Koperasi-Koperasi terlebih dahulu;
 - (g) Menyertai usahasama dan menjadi ahli kepada Koperasi-Koperasi lain; dan
 - (h) Mengadakan aktiviti lain yang berfaedah dengan persetujuan Mesyuarat Agung dan memaklumkan secara bertulis kepada Pendaftar.
- (2) Bagi melaksanakan aktiviti menurut Undang-Undang Kecil 8(1), Koperasi boleh mendapatkan:-
- (a) Modal dengan cara mengumpulkan saham, deposit, pinjaman atau simpanan khas daripada ahli-ahlinya;
 - (b) Deposit atau pinjaman daripada bukan ahli dengan kelulusan Pendaftar menurut Bab 30 kepada Akta; dan
 - (c) Grant atau pelaburan atau kemudahan kewangan daripada bukan ahli tertakluk kepada kebenaran Pendaftar.
- (3) Bagi mengendalikan sesuatu aktiviti menurut Undang-Undang Kecil 8(1) Lembaga hendaklah membuat Aturan Aktiviti yang sesuai yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung dan satu salinan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat belas (14) hari selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung.
- (4) Walau apa pun peruntukan Undang-Undang Kecil ini, setiap aktiviti yang hendak dijalankan adalah tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN IV KEAHLIAN

Kelayakan menjadi ahli

9. (1) Koperasi ini terbuka kepada semua penduduk-penduduk asal dari,

Kampung Tanah Jambu, Kampung Salambigar, dan Kampung Sungai Tilog.

- (2) Seseorang yang ingin menjadi ahli Koperasi ini mestilah:-
- (a) Warga Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap;
 - (b) Telah mencapai umur 18 tahun;
 - (c) Bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam kawasan operasi Koperasi ini;
 - (d) Keluarga terdekat daripada ahli asal Koperasi; dan
 - (e) Bukan seorang yang:
 - i. tidak upaya dari segi mental;
 - ii. bankrap; dan
 - iii. terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh dihukum penjara.
- (3) Ahli Koperasi ini termasuklah seseorang yang turut sama dalam menandatangani dokumen-dokumen permohonan mendaftarkan Koperasi ini dan yang telah menandatangani minit Mesyuarat Agung penubuhan Koperasi dan seseorang yang diterima menjadi ahli menurut Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil ini selepas pendaftaran; dan
- (4) Lembaga hendaklah menimbang semua permohonan dalam Mesyuarat Lembaga dan berkuasa menerima atau menolak permohonan itu dengan tidak memberi sebab-sebabnya. Jika permohonan itu ditolak, penyokong-penyokongnya adalah berhak merayu kepada Mesyuarat Agung. Keputusan Mesyuarat Agung adalah muktamad.

Permohonan dan pengakuan

10. (1) Permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat dalam Borang Rasmi-Koperasi ini seperti Jadual I dan dialamatkan kepada Setiausaha Koperasi atau pegawai Koperasi yang dipertanggungjawabkan.
- (2) Setiap pemohon hendaklah membuat pengakuan bahawa ia bersedia mematuhi Undang-Undang Kecil yang ada dan sebarang pindaan yang akan diperbuat dari semasa ke semasa dan bahawa ianya bukan seorang bankrap atau seorang yang tidak disabitkan atasnya satu kesalahan jenayah. Mana-mana pemohon yang enggan membuat pengakuan ini tidak boleh diterima menjadi ahli.

Hak-hak kewajiban-kewajiban dan tanggungan-tanggungan

11. (1) Menurut Bab 22 kepada Akta, seseorang adalah dianggap mempunyai hak-hak dan tanggungan-tanggungan sebagai ahli apabila ia telah membayar wang pendaftaran sebanyak **BND\$10.00** dan tiap-tiap ahli hendaklah memiliki sekurang-kurangnya **100** unit saham berjumlah **BND\$100.00**;
- (2) Semua ahli mempunyai kewajiban dan tanggungjawab yang sama terhadap Koperasi sebagai badan perekonomian, maka taat setia ahli kepada Koperasi adalah yang utama dan pertama dari segala-segalanya di bidang ekonomi yang menyanjung sifat dan sikap tanggungjawab bersama.

Pemberian Undang-Undang Kecil

12. Tiap-tiap ahli hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-Undang Kecil ini.

Berhenti dari menjadi ahli

13. (1) Seorang ahli dianggap berhenti dari menjadi ahli apabila ia:-
 - (a) Meninggal dunia, atau hilang akal dengan kekalnya;
 - (b) Putus perhubungannya dengan Koperasi kerana berpindah terus dari kawasan operasi.
- (2) Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 14(1) seorang ahli boleh berhenti dari Koperasi dengan syarat ia telah menjadi ahli sekurang-kurangnya satu (1) tahun dan tidak berhutang kepada Koperasi secara langsung atau tidak langsung.

Ahli diberhentikan

14. (1) Lembaga boleh, setelah membuat penyiasatan memberhentikan seorang ahli jika:-
 - (a) Sabit kesalahan dalam sebarang perkara jenayah;
 - (b) Ia Melanggar Undang-Undang Kecil ini;
 - (c) Ia Melakukan sebarang perbuatan yang difikirkan oleh Lembaga sebagai merosakkan kepentingan atau nama baik Koperasi;
 - (d) Gagal menjelaskan saham minima mengikut Undang-Undang Kecil 11(1);
 - (e) Ianya bankrap; atau
 - (f) Ia Tidak taat kepada Koperasi.

- (2) Menurut Aturan 17 daripada Aturan-Aturan, semua perkara ahli-ahli yang diberhentikan hendaklah dirujuk kepada Mesyuarat Agung yang akan datang untuk disahkan dan jika keputusan Lembaga itu tidak disahkan oleh dua pertiga (2/3) dari ahli-ahli yang hadir, perintah pemberhentian yang diluluskan oleh Lembaga itu adalah batal.

Penama

15. Tiap-tiap ahli Koperasi hendaklah mengisi Borang Penama seperti Jadual II dengan ditandatangani sendiri di hadapan dua (2) orang saksi, melantik seorang penama kepada siapa segala wangnya dan hartanya yang ada dalam Koperasi boleh dibayar atau dipindahkan apabila ahli itu mati.
 - (1) Tiap-tiap ahli Muslim hendaklah menamakan seorang wakil di sisi undang-undang untuk menerima setelah ia mati, wang yang berhak baginya di dalam Koperasi ini bagi diagihkan kepada waris yang berhak mengikut hukum Islam menurut Bab 17(1)(a) kepada Akta.
 - (2) Tiap-tiap ahli yang bukan Muslim hendaklah menamakan seorang atau lebih daripada seorang sebagai penama.
 - (3) Ahli itu boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menukar penamaan tersebut, dan hendaklah memberitahu Koperasi akan perubahan, jika ada, mengenai penamaan itu.
 - (4) Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 9, seorang penama boleh diterima menjadi ahli dan penama yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi ahli mulai tarikh ahli digantikannya itu diterima sebagai ahli.

Saham tidak dikembalikan

16. Saham-saham tidak boleh dibayar kembali kepada ahli. Seorang ahli boleh dibenarkan menjual atau memindahkan sahamnya kepada seorang ahli yang lain atau orang yang diterima oleh Lembaga menjadi ahli mengikut Aturan 43(1) kepada Aturan-Aturan.

Memindah saham apabila ahli mati

17. Apabila seorang ahli mati, Lembaga boleh memindahkan sahamnya kepada penamanya atau warisnya atau wakilnya yang sah, menurut Bab 17 kepada Akta.

Memindah saham apabila tidak dituntut

18. Jika tiada diketahui dimana adanya seorang ahli dan tiada diterima sebarang tuntutan daripadanya dalam tempoh satu tahun dari tarikh aktiviti terakhir Koperasi ini, Lembaga boleh memindahkan saham atau faedahnya kepada Akaun Saham Tergantung setelah dipotong sebarang jumlah hutangnya kepada Koperasi, jika ada.

Tanggungjawab ahli terhadap hutang koperasi

19. (1) Tanggungjawab ahli terhadap hutang-hutang Koperasi adalah terhadap kepada jumlah saham yang dimiliki sekiranya pendaftaran Koperasi ini dibatalkan.
- (2) Tanggungjawab bekas ahli hendaklah tidak berterusan lebih daripada dua tahun dari tarikh keahliannya terhenti menurut Bab 28(1) kepada Akta.
- (3) Harta pusaka seseorang ahli yang telah meninggal dunia tidak bertanggungjawab bagi hutang koperasi ini, sebagaimana yang ada pada tarikh kematiannya, melebihi tempoh dua tahun dari tarikh kematian itu menurut Bab 28(2) kepada Akta.

BAHAGIAN V ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat Agung

20. Mesyuarat Agung hendaklah terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas:-

(1) Mesyuarat Agung Tahunan:

- (a) Mesyuarat Agung Tahunan menurut Bab 28C kepada Akta, hendaklah diadakan tidak lewat daripada enam (6) bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan. Notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah menyatakan tarikh, tempat, waktu dan agendanya dan hendaklah disampaikan kepada semua ahli tidak kurang dari tujuh (7) hari dengan menyertakan perkara-perkara berikut:
- (i) Penyata Kewangan yang teraudit;
 - (ii) Anggaran belanjawan bagi tahun kewangan yang akan datang;
 - (iii) Laporan Lembaga;
 - (iv) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman; dan
 - (v) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.
- (b) Pengerusi Lembaga Koperasi hendaklah menjadi Pengerusi Mesyuarat Agung. Jika ia tidak hadir hendaklah dilantik seorang daripada Lembaga yang hadir untuk menjadi Pengerusi Mesyuarat;
- (c) Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 61 kuorum bagi sebarang Mesyuarat Agung ialah satu perempat (1/4) dari jumlah ahli-ahli atau lima puluh (50) orang mana-mana yang kurang dari jumlah;

- (d) Kecuali seperti yang disyaratkan dalam Undang-Undang Kecil 61 keputusan Mesyuarat Agung hendaklah mengikut undi yang terbanyak dari ahli-ahli yang hadir. Seorang ahli mempunyai satu undi sahaja kecuali Pengerusi yang mempunyai undi pemutus jika undian sama banyak menurut Bab 24(1) kepada Akta. Mengundi dengan berwakil tidak dibenarkan.

(2) Mesyuarat Agung Khas

Mesyuarat Agung Khas hendaklah diadakan pada bila-bila masa dengan perintah Pendaftar atau sebarang orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar, atau arahan Lembaga, atau apabila Setiausaha menerima permohonan bertulis yang ditandatangani tidak kurang dari satu perlima (1/5) atau dua puluh (20) orang mengikut mana-mana yang kurang. Sekurang-kurangnya tujuh (7) hari notis hendaklah diberi kepada semua ahli bagi mengadakan mesyuarat tersebut.

Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Mesyuarat Agung

21. Kuasa tertinggi dalam Koperasi adalah terletak pada Mesyuarat Agung dimana setiap ahli berhak menghadirinya dan mengundi dalam segala perkara. Tugas-tugas Mesyuarat Agung ialah:-

- (1) Mengesahkan minit Mesyuarat Agung yang terdahulu;
- (2) Mengesahkan Penyata Kewangan Tahunan teraudit;
- (3) Menerima Laporan Lembaga dan Juruaudit Dalaman;
- (4) Menerima Laporan Juruaudit Luar dan Pandangan Pendaftar;
- (5) Mengesahkan pembahagian keuntungan menurut Undang-Undang Kecil 44 tertakluk kepada Akta;
- (6) Menimbang dan meluluskan belanjawan Koperasi bagi tahun berikutnya;
- (7) Menetapkan tanggungjawab maksima bagi Koperasi mengenai pinjaman-pinjaman atau pertaruhan-pertaruhan;
- (8) Meminda Undang-Undang Kecil menurut Undang-Undang Kecil 61 jika perlu;
- (9) Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau urusan lain Koperasi yang suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan;
- (10) Membubarkan dan melantik kesemua Lembaga yang baharu menurut

Undang-Undang Kecil 22(1); dan

- (11) Melantik Juruaudit Luar.

Ahli Lembaga Koperasi

22. (1) Lembaga hendaklah mengandungi tidak kurang dari tujuh (7) orang dan tidak lebih dari lima belas (15) orang yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka adalah bertanggungjawab bersama-sama dan berasing-asing kepada Mesyuarat Agung;
- (2) Lembaga hendaklah menjalankan usaha-usaha yang lazim dilakukan oleh ahli-ahli perniagaan dan pengusaha dengan cermat serta jujur dan adalah bertanggungjawab bagi sebarang kerugian yang berlaku oleh sebab perbuatan yang melanggar Akta, Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil ini. Mereka hendaklah memegang jawatan sehingga dilantik Lembaga baru pada Mesyuarat Agung yang akan datang, tertakluk kepada syarat yang tersebut selepas ini. Mesyuarat Agung adalah berkuasa pada sebarang masa menghendaki kesemua Lembaga itu berhenti.
- (3) Jika berlaku sebarang kekurangan, Lembaga boleh melantik mana-mana ahli yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kekosongan itu dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga Mesyuarat Agung akan datang.

Lantikan Pegawai

23. (1) Bagi melaksanakan tanggungjawab itu Lembaga adalah berkuasa melantik di kalangan Ahli Lembaga seorang Pengerusi, seorang Setiausaha dan seorang Bendahari di antara mereka dan menukar jawatan mereka pada sebarang masa, jika perlu, mengikut Aturan 29(2) kepada Aturan-Aturan;
- (2) Kekosongan jawatan Lembaga hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kekosongan itu diisi oleh Lembaga dengan melantik mana-mana Lembaga yang berkelayakan dan perkhidmatannya hendaklah tamat sehingga Mesyuarat Agung akan datang; dan
- (3) Lembaga tidak boleh menerima sebarang bayaran bagi mana-mana perkhidmatan melainkan dengan kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan dan kebenaran Pendaftar terlebih dahulu, mengikut Aturan 29(3) dan 29(4) kepada Aturan-Aturan.

Lembaga Amanah (Board of Trustee)

24. Fungsi dan kedudukan Lembaga Amanah adalah seperti berikut:-

- (1) Lembaga Amanah adalah dilantik daripada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari;

- (2) Lembaga Amanah bertanggungjawab bagi mentadbir harta Koperasi dan perlu dibubuhkan atas nama Koperasi; dan
- (3) Bertanggungjawab menandatangani sebarang urusan yang berkaitan dengan harta Koperasi.

Aturan Aktiviti dan Garis Panduan

25. Lembaga adalah berkuasa membuat Aturan Aktiviti dan garis panduan-garis panduan bagi menjalankan urusan Koperasi yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa yang tidak menyalahi atau bertentangan dengan Akta, Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil ini. Aturan Aktiviti dan garis panduan-garis panduan itu tidak sah melainkan telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung dan dimaklumkan kepada Pendaftar.

Lantikan Jawatankuasa Kecil

26. Lembaga boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil yang mengandungi tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli bagi tiap-tiap aktiviti, perniagaan dan perusahaan yang ditubuhkan oleh Koperasi. Pengurusan aktiviti berkenaan adalah tertakluk kepada kuasa dan arahan Lembaga.

Mesyuarat Lembaga

27. Mesyuarat Lembaga hendaklah diadakan bila-bila masa perlu dan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Ianya hendaklah di adakan dengan perintah Pengerusi atau dengan permintaan bertulis dari bilangan Ahli Lembaga yang terbanyak atau dengan perintah Pendaftar atau sebarang orang yang diberi kuasa olehnya untuk maksud-maksud yang segera. Notis hendaklah diberi sekurang-kurangnya tiga (3) hari oleh Setiausaha kepada semua Lembaga dan sekurang-kurangnya mengandungi agenda-agenda berikut:-

- (1) Membetul/mengesahkan minit mesyuarat yang lalu;
- (2) Perkara-perkara berbangkit;
- (3) Mengkaji serta membincangkan:-
- (a) Keputusan Mesyuarat Agung dan menentukan tindakan-tindakan;
- (b) Laporan Audit Dalam/Luar.
- (4) Membincangkan:-
- (a) Laporan pengurusan;
- (b) Permohonan menjadi ahli;
- (c) Permohonan berhenti menjadi ahli;

- (d) Permohonan pinjaman dari ahli-ahli;
 - (e) Permohonan menangguhkan bayaran ansuran pinjaman;
 - (f) Permohonan menambah atau mengurangkan yuran.
- (5) Membentangkan dan meluluskan kira-kira kewangan bulanan;
 - (6) Mengkaji projek-projek Koperasi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan;
 - (7) Mengkaji, membincang dan memutuskan mengenai projek-projek;
 - (8) Mengkaji dan membincangkan;-
 - (a) Perkara perjawatan;
 - (b) Program latihan kakitangan;
 - (c) Program pendidikan Ahli-Ahli; dan
 - (d) Lain-lain hal.
 - (9) Melantik perwakilan di kalangan Lembaga untuk menghadiri mesyuarat mana-mana Koperasi yang ia menjadi ahli.

Kuorum Mesyuarat Lembaga

28. Kuorum bagi Mesyuarat Lembaga ialah bilangan yang terbanyak dari jumlah ahli-ahlinya.

Buku minit mesyuarat

29. (1) Segala keputusan Mesyuarat Lembaga hendaklah:-
 - (a) Diminitkan dalam tempoh tujuh (7) hari;
 - (b) Ditandatangani oleh Setiausaha mesyuarat itu; dan
 - (c) Diedarkan kepada Ahli Lembaga dalam tempoh empat belas (14) hari.
- (2) Minit yang telah disahkan dalam mesyuarat berikutnya hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat tersebut;
- (3) Salinan minit bagi sesuatu Mesyuarat Lembaga hendaklah diserahkan:-
 - (a) Kepada Pendaftar; dan

(b) Dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh mesyuarat itu.

Undi penentuan

30. Keputusan dalam Mesyuarat Lembaga hendaklah mengikut undi yang terbanyak dari ahli-ahli yang hadir. Seorang ahli mempunyai satu undi sahaja, kecuali Pengerusi, jika undi sama banyak akan mempunyai undi pemutus. Seorang ahli Lembaga tidak boleh hadir atau mengundi dalam sebarang perkara yang ia sendiri mempunyai kepentingan.

Tempoh memegang jawatan Lembaga

31. Tempoh jawatan bagi Lembaga adalah sah bagi tempoh satu (1) tahun. Tempoh jawatan boleh dilanjutkan sehingga tiga (3) tahun sahaja. Walau bagaimanapun ia boleh dilantik semula selepas satu (1) tahun tidak memegang jawatan.

Penamatan Lantikan Lembaga

32. (1) Lembaga yang tidak menghadiri Mesyuarat Lembaga tiga (3) kali berturut-turut dengan tidak memberi sebab-sebabnya yang munasabah boleh diberhentikan dari menjadi Lembaga. Sekiranya ahli yang diberhentikan itu memegang jawatan dalam Lembaga, maka kekosongan itu hendaklah diisikan dengan seberapa segera oleh Lembaga yang lain sehingga Mesyuarat Agung yang akan datang;
- (2) Disabitkan atas kesalahan di bawah Akta, Aturan-Aturan & Undang-Undang Kecil;
- (3) Menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (4) Lembaga yang di tamatkan lantikannya, akan dengan sendirinya terlucut semua kuasa dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya mengikut kehendak Undang-Undang Kecil 33; dan
- (5) Hilang kelayakan sebagai ahli menurut Undang-Undang Kecil 14 (1).

Tugas-tugas, tanggungjawab-tanggungjawab dan kuasa-kuasa Lembaga

33. Tugas-tugas, tanggungjawab-tanggungjawab dan kuasa-kuasa Lembaga ialah:-
 - (1) Mentadbir perjalanan Koperasi dengan jujur, cekap dan amanah menurut Akta, Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil ini;
 - (2) Menerima atau menolak permohonan keahlian;
 - (3) Mencadangkan peruntukan bagi projek-projek baru tertakluk kepada pengesahan Mesyuarat Agung;
 - (4) Melantik Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari, seberapa segera selepas Mesyuarat Agung, dan menukar jawatan mereka pada sebarang masa jika perlu;

- (5) Melantik, menahan, menghukum atau memberhentikan pekerja-pekerja Koperasi yang bergaji tertakluk kepada Aturan 30;
- (6) Mengkaji dan merancang projek yang memberi manfaat kepada ahli-ahli dan Koperasi dengan melaksanakan projek mengikut keputusan Mesyuarat Agung dan kebenaran Pendaftar terlebih dahulu;
- (7) Menyediakan segala maklumat-maklumat, penyata-penyata dan laporan-laporan untuk dihadapkan kepada Pendaftar Koperasi menurut Bab 34B (1) kepada Akta;
- (8) Menyelenggara dan memeriksa semua akaun, buku, rekod serta dokumen Koperasi dengan lengkap, betul dan dikemaskini;
- (9) Menyediakan dengan sempurna dan lengkap penyata-penyata kewangan dengan seberapa segera selepas tahun kewangan Koperasi berakhir untuk tujuan pengauditan menurut Bab 34B(3) kepada Akta;
- (10) Menerima laporan Juruaudit dan pandangan Pendaftar berserta penyata-penyata kewangan yang teraudit untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan;
- (11) Menerima dan menimbangkan aduan dari ahli-ahlinya yang berkaitan dengan hal-ehwal Koperasi;
- (12) Bertindak atas nama dan bagi pihak Koperasi bagi menyelesaikan segala pertikaian mengenai Koperasi atau menerusi seseorang yang dilantik secara bertulis menjalankan atau memberhentikan sebarang tindakan Mahkamah atau timbangtara atau tribunal menurut Bab 28G(b) kepada Akta;
- (13) Melantik sebarang Lembaga untuk mewakili Koperasi serta mengundi bagi pihaknya dalam mesyuarat mana-mana Koperasi yang berdaftar yang ianya menjadi ahli;
- (14) Menguatkuasa jaminan yang dikehendaki, jika ada, sebagaimana yang ditetapkan dalam Mesyuarat Agung dari sebarang orang yang mengendalikan wang atau harta benda Koperasi;
- (15) Mengatur pemeriksaan bagi beberapa peratus dari barang-barang dari semasa ke semasa dan pemeriksaan sepenuhnya bagi semua barang-barang pada akhir tahun kewangan Koperasi;
- (16) Mengatur pemeriksaan dan menentukan semua harta benda yang diterima dan dipelihara dengan sempurna;

- (17) Mengikat kontrak bagi pihak Koperasi. kontrak-kontrak tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi, dan Setiausaha atau Bendahari bagi pihak Koperasi dan dibubuh dengan meterai Koperasi. Sebarang kontrak yang ditandatangani dan/atau dilaksanakan demikian adalah sah dan mengikat Koperasi serta ahli-ahlinya;
- (18) Jika perlu, melantik seorang Pengurus yang bergaji tetap bagi menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan mengikut kehendak Undang-Undang Kecil 37, dengan syarat Pengurus yang dilantik itu tidak boleh menjadi Lembaga;
- (19) Menimbang dan mengambil tindakan sewajarnya keatas penyata dan surat-surat arahan Pendaftar atau wakilnya;
- (20) Memilih Juruaudit Luar untuk diluluskan didalam Mesyuarat Agung;
- (21) Membentangkan kepada mesyuarat agung Cadangan kadar elaun-elaun Ahli Lembaga bagi tiap-tiap tahun kewangan;
- (22) Mengemukakan suatu senarai Lembaga dalam tempoh tujuh (7) hari selepas Mesyuarat Agung Tahunan kepada Pendaftar yang mengandungi butir-butir berikut:-
 - (a) Nama;
 - (b) Alamat persuratan dan kediaman;
 - (c) Nombor kad pengenalan;
 - (d) Nombor telefon;
 - (e) Tarikh keahlian;
 - (f) Pekerjaan; dan
 - (g) Jawatan dalam Koperasi.

Jika terdapat sebarang perubahan tentang butir-butir berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh berlakunya perubahan tersebut.

Pengerusi

34. (1) Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Pengerusi adalah seperti berikut:-

- (a) Mengawal perjalanan Koperasi amnya;
- (b) Mempengerusikan semua mesyuarat-mesyuarat Koperasi;

- (c) Memanggil sendiri atau melalui Setiausaha, Mesyuarat Lembaga;
 - (d) Menandatangani minit-minit mesyuarat dan mengesahkan surat-surat perjanjian atau kontrak dan cek-cek bagi pihak Koperasi seperti yang dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil 36(1)(d); dan
 - (e) Menyelia secara amnya pentadbiran, hal-ehwal dan pekerja Koperasi.
- (2) Tugas pengerusi menurut perenggan (1)(a), (1)(b) dan (1)(d) boleh diamanahkan kepada mana-mana Ahli Lembaga, jika perlu.

Setiausaha

35. (1) Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Setiausaha adalah seperti berikut:-
- (a) Menyimpan, melengkapkan dan mengemaskini dengan betul segala surat-surat, buku-buku dan daftar-daftar yang ditentukan oleh Lembaga;
 - (b) Memanggil dan menghadiri mesyuarat-mesyuarat Koperasi dan menyampaikan segala laporan dan dokumen untuk pertimbangan mesyuarat-mesyuarat itu;
 - (c) Mengeluarkan notis dan agenda Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Agung serta menandatangani;
 - (d) Merekodkan perjalanan mesyuarat dalam buku minit mesyuarat dan menyediakan cabutan minit mesyuarat;
 - (e) Menyediakan Laporan Tahunan untuk pertimbangan Lembaga;
 - (f) Menyimpan dan menjaga dengan selamat meterai Koperasi;
 - (g) Mengurus dan mengendalikan surat-surat dan lain-lain perkara yang dikehendaki oleh Akta, Aturan-Aturan dan Undang-Undang Kecil ini; dan
 - (h) Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Mana-mana tugas Setiausaha boleh diamanahkan kepada Pengurus atau pegawai tertakluk persetujuan Lembaga.

Bendahari

36. (1) Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Bendahari adalah seperti berikut:-
- (a) Menerima dan membayar bagi pihak Koperasi segala wang yang dibenarkan oleh Lembaga;

- (b) Menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang yang diterima dalam tempoh dua puluh empat (24) jam hari bekerja daripada penerimaannya;
 - (c) Menyimpan akaun wang runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
 - (d) Segala cek Koperasi hendaklah ditandatangani oleh dua (2) orang daripada berikut:-
 - i. Pengerusi atau Bendahari, dan Setiausaha atau seorang Ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga; atau
 - (e) Menyenggara dan menyimpan akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini supaya dapat diperiksa bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (f) Mengeluarkan resit, menyediakan baucar dan surat lain mengikut arahan Lembaga;
 - (g) Menyediakan Penyata Kewangan untuk disahkan oleh Lembaga dan Mesyuarat Agung;
 - (h) Menyediakan anggaran perbelanjaan tahunan untuk diluluskan oleh Lembaga dan Mesyuarat Agung; dan
 - (i) Menjalankan tugas yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.
- (2) Mana-mana tugas Bendahari boleh diamanahkan kepada Pengurus atau pekerja tertakluk persetujuan Lembaga.

Pengurus

37. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Pengurus adalah seperti berikut:-
- (1) Mengendalikan segala urusan pelanggan dan perindustrian Koperasi mengikut yang ditetapkan oleh Lembaga;
 - (2) Bertanggungjawab di atas kecekapan, tatatertib dan daya usaha semua pekerja Koperasi dalam menunaikan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka;
 - (3) Menyediakan dan menghadapkan laporan perjalanan, penyata-penyata kewangan pada setiap bulan atau bila-bila masa dikehendaki oleh Lembaga;

- (4) Menerima dan menjaga semua wang diterima oleh Koperasi, dan membuat pembayaran mengikut arahan-arahan Lembaga;
- (5) Menyimpan ke dalam bank atas nama Koperasi semua wang diterima dalam masa dua puluh empat (24) jam;
- (6) Mengeluarkan resit dan menyediakan baucar bagi setiap transaksi penerimaan dan pengeluaran wang di samping mengurus dan mengendalikan surat-surat seperti yang diarahkan oleh Lembaga;
- (7) Merangka dan menyediakan perancangan pembangunan dan perkembangan perniagaan Koperasi untuk dihadapkan kepada Lembaga;
- (8) Menyimpan akaun wang runcit, wang sebanyak yang diluluskan oleh Lembaga untuk memenuhi perbelanjaan runcit dan perbelanjaan yang dibuat daripada akaun ini boleh diganti seberapa kerap yang perlu;
- (9) Menyediakan, menyelenggara dan menyimpan akaun-akaun Koperasi dengan sempurna dan kemaskini bagi tujuan pemeriksaan oleh pihak-pihak yang berkenaan;
- (10) Menyediakan Akaun Tahunan dan Laporan Tahunan Koperasi untuk dihadapkan kepada Lembaga;
- (11) Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan Koperasi secara dibutirkan satu persatu untuk dihadapkan kepada Lembaga; dan
- (12) Menjalankan tugas yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Audit Dalaman

38. Menurut Bab 28E kepada Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi tidak kurang daripada dua (2) orang yang dilantik oleh Lembaga.

Kelayakkan menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman

39. Tiada seorang pun layak menjadi Jawatankuasa Audit Dalaman atau kekal sebagai seorang Jawatankuasa Audit Dalaman jika dia:-

- (1) Telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (2) Telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi; dan
- (3) Menjadi Lembaga Koperasi ini.

Tempoh Memegang jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman

40. (1) Tempoh perkhidmatan semua ahli Jawatankuasa Audit Dalaman ini adalah satu (1) tahun dan perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga; dan
- (2) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah diisi dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengosongan jawatan itu dengan melantik mana-mana ahli yang layak.

Kuasa dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalaman

41. (1) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain yang berhubung dengan Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, bagi memastikan hal-ehwal Koperasi dijalankan mengikut matlamat penubuhan, Undang-Undang Kecil serta keputusan Mesyuarat Agung;
- (2) Jawatankuasa Audit Dalaman mempunyai kuasa memanggil mana-mana orang yang dikehendakinya supaya mengemukakan atau menyerahkan apa-apa maklumat atau buku, akaun dan dokumen yang berkaitan;
- (3) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah menjalankan tugas seperti berikut:
 - (a) Memastikan adanya kuasa dan mengesahkan bagi segala perbelanjaan;
 - (b) Memeriksa akaun-akaun Koperasi sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan;
 - (c) Memberitahu Lembaga apa-apa yang tidak selaras yang berlaku dalam pengurusan Koperasi dengan serta-merta; dan
 - (d) Mengemukakan kepada Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal-ehwal Koperasi, termasuk pelanggaran terhadap Akta, Aturan-Aturan atau Undang-Undang Kecil.
- (4) Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah:-
 - (a) Bersidang tidak kurang daripada dua (2) kali setahun; dan
 - (b) Mengemukakan laporan bertulis kepada Lembaga dan Pendaftar.
- (5) Jawatankuasa Audit Dalaman, tertakluk kepada kelulusan Lembaga dibayar elaun yang sewajarnya atas khidmat yang diberikan kepada Koperasi dengan kebenaran Pendaftar terlebih dahulu.

**BAHAGIAN VI
ASET DAN WANG KOPERASI**

Modal dan saham

42. Koperasi akan mengeluarkan modal pelaburan melalui saham yang terkumpul bagi memodali tiap-tiap aktiviti perniagaan dan perusahaan yang ditubuhkan oleh Koperasi.
- (1) Mengumpul wang dengan menjual saham kepada ahli-ahlinya. Satu saham berharga BND **\$1.00**. Tiap-tiap ahli hendaklah membeli sekurang-kurangnya **100** saham dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh diterima menjadi ahli Koperasi. Ahli tidak boleh memiliki lebih dari satu per lima (1/5) dari jumlah saham yang telah dibayar kepada Koperasi.
 - (2) Mendapatkan modal dari mana-mana pihak tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung dan kebenaran Pendaftar menurut Undang-Undang Kecil 8(3).

Zakat

43. Zakat perniagaan akan dikeluarkan pada kadar 2.5 peratus mengikut syarak. (Tertakluk kepada ketetapan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam)

Pembahagian lebihan pendapatan

44. (1) Keuntungan bersih teraudit Koperasi seperti yang ditunjukkan dalam Akaun Untung Rugi hendaklah diagihkan, tertakluk kepada Bab 33 seperti berikut;
- (a) Sekurang-kurangnya satu perlima (1/5) atau dua puluh (20) peratus dikreditkan kepada Kumpulan Wang Simpanan; dan
 - (b) Lima (5) peratus dimasukkan kepada Dana Amanah Kemajuan Syarikat Kerjasama.
- (2) Dividen sebanyak tidak lebih dari enam (6) peratus setahun ke atas saham-saham yang jelas dibayar;
- (3) Bonus atas langganan sebanyak tidak lebih dari sepuluh (10) peratus atas perkhidmatan mengikut banyaknya sumbangan atau langganan bagi tahun yang berkenaan;
- (4) Baki yang tinggal itu boleh dibahagikan seperti berikut:-
- (a) Saguhati kepada Lembaga sebanyak tidak lebih dari dua puluh lima (25) peratus;

- (b) Bonus pekerja-pekerja sebanyak tidak lebih dari lima belas (15) peratus;
- (c) Kumpulan Wang Pelajaran sebanyak tidak lebih dari sepuluh (10) peratus;
- (d) Kumpulan Wang Kebajikan sebanyak tidak lebih dari sepuluh (10) peratus; dan
- (e) Bakinya, jika ada, dibawa ke tahun hadapan atau boleh disimpan dalam kumpulan wang khas yang dibenarkan oleh Pendaftar seperti pemindahan saham atau mempersamakan dividen.

Wang tidak diambil

45. Wang dividen atau bonus yang tidak diambil oleh ahli yang berhak dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh ianya diisytiharkan boleh dimasukkan ke dalam Akaun Wang Saham, atau Akaun Wang Pertaruhan ahli menurut pertimbangan Ahli Lembaga.

Kumpulan Wang Simpanan

46. Tertakluk kepada Aturan 41 daripada Aturan-Aturan, kumpulan wang simpanan boleh digunakan untuk maksud-maksud yang berikut kecuali Pendaftar mengarahkan sebaliknya:-
- (1) Sebagai modal perniagaan Koperasi;
 - (2) Menutup sebarang kerugian yang mungkin berlaku dari keadaan yang tidak disangka-sangka; dan
 - (3) Kumpulan wang simpanan tidak boleh dibahagi-bahagikan dan ianya adalah dipunyai oleh Koperasi sebagai hak bersama dan tidak seorang pun yang boleh menuntut sebahagian daripadanya.

Kumpulan wang dan kumpulan wang simpanan apabila dibubarkan

47. Jika Koperasi dibubarkan, setelah dijelaskan segala tanggungan-tanggungan Koperasi, Kumpulan Wang tidak boleh dibahagi-bahagikan di antara ahli-ahli tetapi hendaklah digunakan untuk kegunaan awam seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Agung dan dibenarkan oleh Pendaftar. Jika tidak mendapat keputusan yang demikian dalam Mesyuarat Agung Koperasi itu, Kumpulan Wang itu akan disimpan dalam jagaan Pendaftar menurut Bab 45 kepada Akta.

Wang Pertaruhan dan Pinjaman

48. (1) Koperasi ini boleh menerima wang pertaruhan atau meminjam wang dari orang-orang yang bukan ahli menurut Bab 30 kepada Akta; dan
- (2) Had maksimum penerimaan wang pertaruhan atau pinjaman wang oleh Koperasi hendaklah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung dan kebenaran Pendaftar.

Pelaburan wang

49. (1) Wang berlebihan Koperasi ini bolehlah dilabur atau didepositkan tertakluk kepada peruntukan Bab 32 kepada Akta; dan
- (2) Had maksimum yang boleh dilaburkan oleh Koperasi bagi sesuatu maksud hendaklah mendapat kelulusan oleh Mesyuarat Agung dan kebenaran Pendaftar.

BAHAGIAN VII AKAUN DAN AUDIT

Tahun kewangan

50. Tahun kewangan Koperasi ini bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Semua penyata kewangan hendaklah disediakan oleh Lembaga tidak lebih daripada enam (6) bulan selepas penutupan tahun kewangan ini.

Resit-resit dan baucar

51. (1) Resit-resit Koperasi hendaklah dikeluarkan bagi semua wang yang diterima olehnya. Resit-resit itu hendaklah ditandatangani oleh Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga dari semasa ke semasa; dan
- (2) Baucar hendaklah disediakan bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh Koperasi. Baucar-baucar tersebut hendaklah ditandatangani oleh Bendahari atau pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga serta disahkan dan ditandatangani oleh dua (2) orang ahli Lembaga.

Juruaudit Luar

52. (1) Bagi maksud Bab 34C kepada Akta, Juruaudit yang dilantik hendaklah memberi laporan mengenai penyata-penyata kewangan yang dikemukakan oleh Koperasi selepas berakhirnya tahun kewangan itu untuk perhatian Pendaftar serta ahli-ahli Koperasi ini.
- (2) Perlantikan Juruaudit dan penyerahan kepadanya rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain Koperasi ini untuk maksud pengauditan hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar dengan mengemukakan surat makluman, dan salinan minit Mesyuarat Agung dimana perlantikan tersebut telah dipersetujui;
- (3) Bagi maksud Undang-Undang Kecil 52(2), satu senarai lengkap buku-buku dan dokumen-dokumen Koperasi ini yang diserahkan kepada Juruaudit hendaklah disediakan oleh Koperasi untuk ditandatangani oleh Juruaudit itu sebagai pengakuan penerimaannya. Salinan senarai itu hendaklah disimpan oleh Koperasi.

Hutang Lapuk

53. Semua hutang yang telah disahkan sebagai hutang lapuk boleh dihapus kira daripada akaun dengan syarat bahawa:
- (1) Tindakan munasabah telah diambil oleh Koperasi untuk mendapatkan atau menuntut hutang itu;
- (2) Mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Agung; dan
- (3) Mendapatkan kebenaran Pendaftar menurut Aturan 42 daripada Aturan-Aturan Syarikat Kerjasama.

Penyimpanan Buku-buku dan Daftar-daftar Koperasi

54. Lembaga hendaklah menyimpan buku-buku dan daftar-daftar yang berikut dengan betul dan sempurnanya:-
- (1) Buku minit mesyuarat;
- (2) Daftar Ahli dan penama-penama;
- (3) Daftar wang saham;
- (4) Daftar Harta;
- (5) Buku tunai pelbagai ruangan;
- (6) Buku wang pertaruhan;
- (7) Resit-resit;
- (8) Baucar;
- (9) Lejar am (jualan, belian dan lejar perseorangan);
- (10) Buku kawalan stok barang-barang;
- (11) Buku perubahan harga barang-barang;
- (12) Buku barang yang dimusnahkan; dan
- (13) Lain-lain buku yang diarahkan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN VIII PERKARA-PERKARA AM

Meterai

55. Meterai Koperasi hendaklah disimpan oleh Setiausaha dan tidak boleh dibubuh

pada sebarang surat atau mana-mana dokumen kecuali dengan keputusan Lembaga, dan dihadapan Pengerusi, dan setiausaha atau seorang yang dilantik oleh Lembaga untuk maksud itu, dan Pengerusi serta Setiausaha atau seorang ahli tersebut diatas hendaklah menandatangani tiap-tiap yang dibubuh meterai Koperasi.

Penyediaan buku-buku dan daftar-daftar untuk diperiksa

56. Segala buku-buku Koperasi, laporan audit dan penyata kewangan hendaklah sentiasa terbuka untuk pemeriksaan ahli-ahli di alamat Koperasi yang didaftarkan pada bila-bila masa yang berpatutan, dengan syarat bahawa tidak seorang pun akan dibenarkan melihat akaun seorang ahli yang lain jika tiada dengan persetujuan bertulis daripada ahli berkenaan.

Pertukaran alamat ahli

57. Tiap-tiap ahli hendaklah memberitahu Setiausaha akan segala pertukaran alamatnya. Semua surat kepada ahli yang dihantar dengan pos atau dikirirkan kepada alamatnya yang terakhir hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan.

Penyerahan tugas

58. Penyerahan tugas secara rasmi hendaklah dilakukan apabila berlaku pertukaran bagi apa-apa jawatan dalam Koperasi ini. Penyerahan tersebut hendaklah disempurnakan dalam tempoh tidak lewat daripada empat belas (14) hari selepas berkuatkuasanya pertukaran ini berserta dengan dokumen-dokumen Koperasi yang di bawah tanggungjawabnya.

Lantikan perwakilan

59. Ahli Lembaga berhak melantik perwakilan yang akan mewakili Koperasi ke Koperasi menengah atau atasan dikalangan mereka dan menetapkan tempoh sebagai perwakilan. Tarikh berkuatkuasa lantikan ini bermula dari tarikh mesyuarat pertama Ahli Lembaga selepas Mesyuarat Agung diadakan. Seseorang Ahli Lembaga hanya dibenarkan menjadi perwakilan kepada sebuah Koperasi menengah atau atasan sahaja.




Tambahan kepada akta dan aturan-aturan

60. Undang-Undang Kecil ini adalah sebagai tambahan kepada Akta dan Aturan-Aturan yang dibuat di bawahnya dan hendaklah dibaca bersama-sama. Setiap ahli adalah terikat untuk mematuhi segala peruntukan yang terkandung didalamnya.

Pindaan Undang-Undang Kecil

61. Pindaan-pindaan kepada Undang-Undang Kecil ini hanya boleh dibuat menurut syarat-syarat yang terkandung dalam Akta dan Aturan-Aturan.

Diakui Undang-Undang Kecil ini telah dibentang, dibincang dan diterima di dalam Mesyuarat Agung Khas secara Referendum bertarikh 01 haribulan Ogos tahun 2024 hingga 21 haribulan Ogos tahun 2024


| | | |
|--|--|--|
|  Haji Matassan bin Haji Bungso PENGERUSI |  Haji Mohd Ya'ani bin Haji Md. Arshad SETIAUSAHA |  Haji Rosdi Amin bin Dato Paduka Haji Yaakub BENDAHARI |
|--|--|--|

PENDAFTAR KOPERASI-KOPERASI

Tarikh pindaan pada 21-10-2024
Sijil no 65/82

JADUAL I

KOPERASI PERSATUAN TIBA(KOTIBA) DENGAN TANGGUNGAN BERHAD



PERMOHONAN MENJADI AHLI
(Undang-Undang Kecil 10(1))

Bilangan:
Diluluskan:.....

Pemohon dikehendaki mengisi borang ini dengan lengkap disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan:-

**Setiausaha,
Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad**

Tuan,

Saya memohon menjadi ahli Koperasi ini dan maklumat-maklumat mengenai saya adalah seperti berikut:-

| MAKLUMAT PEMOHON | |
|-----------------------------|---------------------|
| Nama Penuh: | |
| Warga Negara: | No. K/P: |
| Umur: | Tarikh Lahir: |
| Tempat Lahir: | Ugama: |
| Alamat Tetap: | |
| Pekerjaan: | No. Tel. Bimbit: |
| Nama Perniagaan (Jika ada): | |
| Gaji Sebulan: | Pendapatan Sebulan: |

Keahlian dalam Koperasi dan Lain-lain Pertubuhan (Sila namakan Pertubuhan dan Jawatan yang dipegang):

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

UNIT SAHAM KOPERASI PERSATUAN TIBA(KOTIBA)DENGAN TANGGUNGAN BERHAD

Saya memohon untuk memiliki _____ unit saham berharga BND\$ _____ seunit. Bersama ini saya sertakan wang sebanyak BND\$ _____ iaitu wang pendaftaran sebanyak BND\$ _____ dan BND\$ _____ akan saya bayar habis / secara beansur setelah saya diterima menjadi ahli Koperasi ini.

Yang Benar,

(Tandatangan Pemohon)

| | |
|---------------|---------|
| Nama Pemohon: | Tarikh: |
|---------------|---------|

| PENCADANG |
|-------------------------|
| Nama: |
| Bilangan Ahli: |
| Tandatangan dan Tarikh: |

| PENYOKONG |
|-------------------------|
| Nama: |
| Bilangan Ahli: |
| Tandatangan dan Tarikh: |

PENGAKUAN

(UNDANG-UNDANG KECIL 10(2))

Saya _____,
kad pengenalan bernombor _____, mengaku bahawa sekiranya diterima
menjadi ahli, saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada Undang-Undang Kecil ini dan
sebarang pindaan yang diperbuat kepadanya dari semasa ke semasa dan bahawa **saya
bukanlah seorang bankrap atau seorang yang disabitkan satu kesalahan jenayah.**

(Tandatangan Pemohon)

| | |
|---------------|---------|
| Nama Pemohon: | Tarikh: |
|---------------|---------|

SAKSI 1

| | |
|--------------|---------|
| Nama: | No I/C: |
| Tandatangan: | |

SAKSI 2

| | |
|--------------|---------|
| Nama: | No I/C: |
| Tandatangan: | |

KOPERASI PERSATUAN TIBA(KOTIBA)DENGAN TANGGUNGAN BERHAD

BORANG PENAMA

(Undang-Undang Kecil 15)

Bahawa dengan ini saya, _____
nombor Kad Pengenalan _____ dan nombor Ahli
_____Koperasi _____ Berhad
melantik penama seperti yang disebutkan di bawah untuk menerima apa-apa wang di
dalam Koperasi ini untuk diagihkan kepada waris yang berhak sekiranya berlaku
kematian ke atas diri saya.

Saksi-saksi (hendaklah terdiri daripada Ahli Lembaga Koperasi ini)

| | |
|-----------------------------|--------------------------|
| KETERANGAN PENAMA | |
| Nama Penuh: | |
| No. K/P: | Tarikh Lahir: |
| Alamat Tetap: | Hubungan dengan pemohon: |
| Pekerjaan: | Umur: |
| Nama Perniagaan (Jika ada): | No. Tel. Bimbit: |
| _____ (Tandatangan Ahli) | |
| Nama Ahli: | Tarikh: |

SAKSI 1

| | |
|--------------|----------|
| Nama: | No. K/P: |
| Tandatangan: | |

SAKSI 2

| | |
|--------------|----------|
| Nama: | No. K/P: |
| Tandatangan: | |

Nota: Sekiranya terdapat sebarang perubahan tentang penama di atas sila maklumkan kepada Koperasi secara bersurat atau hendaklah mengisi borang penama yang baru.

